

29 SEP 2001

Mahathir-Pengganas/I

PENGGUNAAN ISA TERHADAP PELAMPAU TERBUKTI BETUL, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan kerajaan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap pelampau telah terbukti betul apabila negara-negara lain mula mengambil tindakan sama ekoran serangan pengganas di Amerika Syarikat (AS) pada 11 Sept lalu.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai pengalaman dalam menghadapi pengganas 42 tahun lalu iaitu menentang pengganas komunis, jauh lebih awal daripada serangan pengganas di AS.

"Apabila kita menggunakan ISA untuk menghalang pengganas, kita dikecam sebagai tidak demokratik, tidak adil dan sebagainya, tetapi sekarang mereka berbuat perkara serupa dengan apa yang kita lakukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan ke-30 parti Gerakan di sini.

"Maka secara tidak langsung, kita adalah pusat bagi menghadapi pengganas," katanya secara berseloroh.

Serangan pengganas yang merampas tiga buah kapal terbang untuk melanggar Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington dipercayai mengorbankan lebih 6,000 nyawa.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai pemberian kontrak dalam projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kepada salah seorang adik beradik Osama bin Laden iaitu Omar.

Katanya, Omar ialah seorang ahli perniagaan yang bukan sahaja terlibat dengan projek KLIA tetapi dengan sebuah projek ternakan udang di Kerpan, Kedah sebelum projek itu diambilalih oleh syarikat kerajaan.

Dia juga terbabit dengan pembinaan-pembinaan masjid di Mekah dan Madinah, katanya.

"Mereka (keluarga Bin Laden) mempunyai ramai anak, lebih 50 orang kerana mereka mengamalkan poligami. Hanya kerana ada anggota keluarga itu pengganas, itu tidak bermakna keseluruhan keluarga itu pengganas," katanya.

Dr Mahathir berkata Omar dan lain-lain pelawat dialu-alukan ke Malaysia kecuali jika mereka berada dalam senarai hitam pihak berkuasa, melakukan jenayah di sini atau sedang menghadapi perintah ekstradisi.

"Mereka yang mempunyai nama Bin Laden juga boleh datang ke negara ini," kata Dr Mahathir yang bagaimanapun melahirkan rasa kesal kerana ada negara termasuk di Asia yang menyisih pelawat yang mempunyai nama Arab atau Melayu untuk pemeriksaan.

Beliau berkata ramai orang Melayu yang menggunakan perkhidmatan penerbangan asing telah dikenakan pemeriksaan ketat oleh pihak berkuasa negara-negara tertentu kerana nama mereka mempunyai "bin", serupa dengan nama Arab.

"Seperti Mahathir bin Mohamad, jadi mereka fikir Mohamad adalah saudara kepada (Osama) bin Laden," kata Perdana Menteri.

Mengenai Umno yang telah mempelbagai budayakan sifatnya, Dr Mahathir berkata parti Melayu itu telah memulakan langkah itu seperti yang terbukti dengan kehadiran antaranya anggota Cina dan Kristian di dalam Umno.

"Seorang paderi Kristian, John Ghani pernah berucap di dalam Umno," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata proses itu bagaimanapun perlu dilakukan secara perlahan kerana orang tidak mudah melupakan asal usul keturunan mereka.

"Apabila kita hendak berbuat sesuatu, kita hendak memimpin dan

mempunyai pengikut. Tetapi jika memimpin terlalu cepat dan menoleh ke belakang, tidak ada yang mengikut. Ia proses yang perlahan," tambahnya.

-- BERNAMA

MHI MFJ MOZ